



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


23 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,474 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **124,430 kes**. Sebanyak 25 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 12 kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Tawau, masing-masing dua (2) kes di Papar, Penampang, Beaufort dan Putatan manakala Keningau dan Tambunan mencatatkan satu (1) kes kematian. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 1,743 menjadikan jumlah kumulatif 98,774 orang. Seramai 4,774 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,343 orang di hospital, 3,400 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 12 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 181 orang dan 83 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (2,474) kes iaitu penurunan sebanyak (-164) kes berbanding (2,638) kes yang dicatatkan semalam (22 Ogos 2021).
- b. Kes di daerah Kota Kinabalu menurun (-212) kes iaitu daripada (883) kes kepada (671) kes hari ini tetapi Papar meningkat sebanyak (+132) kes kepada (181) kes. Kinabatangan mencatat penurunan sebanyak (-96) kes iaitu (15) kes daripada (111) kes semalam tetapi Lahad Datu mencatat penambahan (+59) kes, Beluran mencatatkan peningkatan (+49) kes dan Tawau mencatatkan penurunan (-63) kes.
- c. (1,609) kes atau 65.04% kes hari ini adalah daripada Saringan Kontak Rapat, (557) kes atau 22.51% adalah daripada Saringan Bergejala dan (140) kes atau 5.66% daripada Saringan Kluster.
- d. (1,587) kes adalah dalam Kategori 2, (823) kes dalam kategori 1, (10) kes dalam Kategori 3, tidak ada pesakit dalam Kategori 4 dan (lapan) 8 orang dalam kategori 5
- e. Daripada (2,474) kes yang didaftar hari ini, (311) kes 12.6% adalah kes daftar lewat melebihi 5 hari, (254) kes atau 10.7% adalah kes tertunggak antara 4 hingga 5 hari dan (1,102) kes atau 44.5% kes daftar lewat antara 2 hingga 3 hari.
- f. Sabah melepasi angka 30% daripada jumlah penduduk dewasa yang telah memperolehi dos lengkap. Sehingga semalam, 30.1% penduduk dewasa Sabah telah melengkapkan pengambilan dua dos vaksin dan 52.4% telah memperolehi satu dos.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,609) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	140	5.66%
2	Bergejala	557	22.51%
3	Kontak	1,609	65.04%
4	Bersasar	16	0.65%
5	Lain-lain	152	6.14%
JUMLAH		2,474	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/08/2021	Catatan Kes 22/08/2021	Perbandingan
1	Papar	49	181	+132
2	Lahad Datu	73	132	+59
3	Beluran	15	64	+49
4	Keningau	82	113	+31
5	Kudat	14	44	+30
6	Kalabakan	17	29	+12
7	Ranau	32	44	+12
8	Tambunan	5	17	+12
9	Sandakan	178	185	+7
10	Nabawan	28	34	+6
11	Kota Belud	56	59	+3
12	Telupid	12	15	+3
13	Tenom	24	26	+2
14	Semporna	8	8	Kekal
15	Kota Kinabalu	883	671	-212
16	Kinabatangan	111	15	-96
17	Tawau	259	196	-63
18	Putatan	94	56	-38
19	Kota Marudu	71	46	-25
20	Beaufort	89	68	-21
21	Sipitang	40	21	-19
22	Tuaran	193	176	-17
23	Pitas	23	11	-12
24	Kunak	24	18	-6
25	Penampang	210	204	-6
26	Tongod	42	38	-4
27	Kuala Penyu	6	3	-3
JUMLAH		2,638	2,474	-164

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (09 Ogos - 22 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	486	146	9	30	671	6,686
Penampang	0	156	43	0	5	204	2,971
Tawau	0	102	88	0	6	196	3,127
Sandakan	5	50	67	7	56	185	2,247
Papar	0	145	31	0	5	181	1,219
Tuaran	0	132	35	0	9	176	2,101
Lahad Datu	79	37	13	0	3	132	957
Keningau	0	85	22	0	6	113	1445
Beaufort	0	39	23	0	6	68	671
Beluran	0	62	1	0	1	64	594
Kota Belud	1	36	20	0	2	59	942
Putatan	0	41	14	0	1	56	770
Kota Marudu	0	41	2	0	3	46	469
Ranau	2	34	7	0	1	44	440
Kudat	0	36	6	0	2	44	244
Tongod	38	0	0	0	0	38	356
Nabawan	2	21	2	0	9	34	205
Kalabakan	0	23	6	0	0	29	340
Tenom	3	19	3	0	1	26	389
Sipitang	0	13	7	0	1	21	752
Kunak	0	13	4	0	1	18	240
Tambunan	0	16	0	0	1	17	173
Kinabatangan	3	7	4	0	1	15	694
Telupid	4	7	4	0	0	15	387
Pitas	0	5	5	0	1	11	207
Semporna	0	3	4	0	1	8	128
Kuala Penyu	3	0	0	0	0	3	123
JUMLAH	140	1,609	557	16	152	2,474	28,877

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Belud	Kluster Tempasuk Kota Belud	1
Kuala Penyu	Kluster Batu Linting	3
Ranau	Kluster Gunsapau	2
Sandakan	Kluster Jalan Utara Dua	3
	Kluster Lebu Empat	2
Lahad Datu	Kluster Cantawan	45
	Kluster Cenderawasih	3
	Kluster Sawit Baiduri	6
	Kluster Segama Batu 1	25
Nabawan	Kluster Sarikan	2
Tenom	Kluster Sibulu	3
Tongod	Kluster Kampung Penangah	38
Kinabatangan	Kluster Tangkuyan	3
Telupid	Kluster Gambaron 2	4
JUMLAH		140

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,879 unit

- Hospital 1,457 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,750 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 69.23%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,452
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	21
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	2,474

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
WP Kuala Lumpur	6
Pulau Pinang	1
Johor	1
Perlis	1
WP Labuan	4
Selangor	4
Pahang	1
Kelantan	1
Perak	1
Jumlah	21

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,147
Bukan Malaysia	327
Jumlah	2,474

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	704
Belum Menerima Vaksin	896
Menerima 1 Dos	496
Lengkap 2 Dos	378
Jumlah	2,474

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	32
1 to 5	197
6 to 17	475
18 to 59	1,577
>60	193
Jumlah	2,474

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 23 Ogos 2021)
1	Tawau	31
2	Kota Kinabalu	20
3	Tuaran	12
4	Kota Belud	11
5	Beluran	6
6	Penampang	5
7	Sipitang	5
8	Keningau	3
9	Kota Marudu	3
10	Ranau	3
11	Beaufort	2
12	Kinabatangan	2
13	Kudat	2
14	Papar	2
15	Putatan	2
16	Tenom	2
17	Telupid	1
18	Lahad Datu	1
19	Nabawan	1
20	Tambunan	1
JUMLAH		115

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	<p>Enam (6) lokaliti di Kota Kinabalu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Cenderamata 2 dan Kg Cempaka Likas • Kampung Inanam Laut • Kampung Bambang, Inanam • Kampung Keliangau • Kampung Lapan • Taman Kuala Menggatal 	25 Ogos 2021	7 September 2021
2.	<p>Empat (4) lokaliti di Penampang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Delta Height • Kampung Sindaanan • Rain Field Garden • Maju Kota Lights Industri, Jalan Lama Penampang 		
3.	<p>Empat (4) lokaliti di Tawau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Tanjung Batu Tengah • Taman Runggu Saujana • Kampung Sungai Tamang, Pulau Sebatik • Tanjung Batu Laut, Logpon 		
4.	<p>Tiga (3) lokaliti di Kinabatangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pelangi • Kampung Sri Manis • Ladang Sungai Pin 		
5.	<p>Dua (2) lokaliti di Lahad Datu</p>		

	<ul style="list-style-type: none"> • Perumahan Ladang Sahabat 55 • Taman Perumahan Satu 		
6.	Dua (2) lokaliti di Papar <ul style="list-style-type: none"> • Taman Limawan, Kinarut • Kampung Mondikot 		
7.	Ladang Mawang Kalabakan		
8.	Kem Saw Mill (Kilang Papan) Mengayam Sri Arjuna, Sipitang		

F PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Kinarut Ria, Papar	24 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 25 Ogos 2021 sehingga 7 September 2021
2.	Kampung Kota Tuaran, Tuaran		

G PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, tiada penamatan PKPD di Sabah

H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **16,563** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,412,242 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **24,726** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 795,653 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 10,049 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,523,955 (Mysejahtera 1,442,137 : Laman Web 81,473 : Talian Vaksinasi 345) bersamaan 55.3%.

I BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **446,795** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 172 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 35,397 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 260 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Sembilan (9) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

- Satu (1) Orang : Pergerakan Keluar Masuk Kawasan PKPD
- Tiga (3) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 80 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO1952).
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,033 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 347 premis perniagaan dan 866 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 275 Premis Perniagaan melibatkan 180 anggota APM. Sebanyak dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 18 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 120 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 180 hebahan di seluruh Sabah.

K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	96%
2	Tuaran	96%
3	Beaufort	96%
4	Kunak	96%
5	Semporna	95.5%
6	Tenom	95.5%
7	Kota Belud	95.5%
8	Sipitang	95.5%
9	Penampang	95.5%
10	Kinabatangan	95.5%
11	Papar	95.5%
12	Kota Marudu	95.5%
13	Sandakan	95.5%
14	Beluran	95%
15	Lahad Datu	95%
16	Ranau	95%
17	Keningau	95%
18	Kota Kinabalu	95%
19	Tawau	95%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**